

IDEAS Welcomes the New Direction Emphasised by the Membangun Malaysia Madani Theme: Vital for Growth and Narrowing the Inequality Gap

27 January 2023, Kuala Lumpur: Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) welcomes the new direction introduced by the Prime Minister with the “Membangun Malaysia Madani” theme during the budget consultation session on Tuesday, 17 January 2023. It provides an emphasis on poverty alleviation, sustainable growth and further support for the SMEs. Additionally, it was emphasised that the subsidy rationalisation plans were to be guided by evidence and the latest data available. Such efforts are very much needed for fiscal consolidation in the medium term. Nevertheless, IDEAS warns that if fiscal consolidation cannot be implemented as part of a medium term plan, national debt may continue to rise, which can limit fiscal policy space in the event of an economic downturn. This will impact vulnerable groups disproportionately especially in times of crises.

IDEAS believes that such efforts are imperative considering the extent to which the pandemic has disproportionately inflicted a heavy burden upon pre-existing vulnerable populations. The onslaught of Covid-19 has subjected Malaysian youth - already grappling with unfavourable labour market conditions prior to the pandemic - to the compounded effects of unemployment, disrupted education pathways, and impaired labour mobility. While the youth unemployment rate has shown subtle improvements over 2022, it still stands at a worrying figure of 11.9 per cent (329,300 unemployed youths) as of October 2022.

From a gender lens, the “Families on the Edge” study by UNICEF and UNFPA revealed the amplified vulnerability of female-led households, with the pandemic rendering 32% of female household heads unemployed and 57% without access to social protection. The decreasing trend on the incidence of absolute poverty has somewhat been reversed, instead increasing to 8.4 per cent in 2020.

Dr Tricia Yeoh, CEO of IDEAS, emphasised, “With the increase of the national debt to RM1.5 trillion, the government needs to implement a form of fiscal consolidation in order to avoid excessive deficits in the long term and to obtain a sustainable budgetary position.” To support this process, a form of subsidy rationalisation should be carried out — ensuring that subsidies are targeted to the underserved and vulnerable population. A public consultation paper that was released by the Ministry of Finance on targeted subsidies in 2022 estimated that the population that is in the high-income bracket receives three times the amount of benefits when compared to the lower-income bracket. Data consolidation should be utilised by the government by combining information from different ministries and agencies as a method of targeted assistance.

In the long term, what is necessary for the government is to commit to the Fiscal Responsibility Act in order to strengthen financial discipline in the government and to foster fiscal sustainability in the long term. This commitment should also be extended to introduce the Government Procurement Act, which aims to strengthen governance and compliance in public procurement and reduce discretionary power to combat corruption.

Additionally, Dr Juita Mohamad, the Director of Research and Director of the Economics and Business Unit at IDEAS, also noted, “As a small, open economy, dependent on trade, FDIs are vital to Malaysian economic growth in the medium to long term. To attract FDIs in a sustainable way, apart from clarity in policy direction and implementation, FTAs such as the RCEP and CPTPP, which Malaysia has already ratified, provide bigger market access to MNCs, local firms as well as SMEs. To ensure that SMEs can also benefit from such mega trade deals, support in training and grants related to upskilling, digitisation and automation with minimal red tape, needs to be strengthened.”

The aim for inclusive growth, as highlighted by the Madani theme, promotes the narrowing of inequality among different groups within Malaysian society. With the global economic slowdown poised to dampen economic recovery in the near term, it is good to note that the vulnerable groups will be protected and championed. On this note, Dr Yeoh concluded, “We look forward to the new Budget 2023 expected to be tabled in Parliament on 24 February next month, and seeing how the *Membangun Malaysia Madani* theme will be reflected in the new government’s first major policy document that sets out its priorities for the year.”

--- END ---

For enquiries, please contact:

Juita Mohamad, PhD
Director of Research;
Director, Economics and Business Unit
juita@ideas.org.my

Louis Denis
Manager, External Relations
louis@ideas.org.my

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia’s first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit www.ideas.org.my.

KENYATAAN MEDIA

IDEAS alu-alukan Hala Tuju Baharu yang Ditekankan oleh Tema Membangun Malaysia Madani: Penting untuk Pertumbuhan dan Mengecilkan Jurang Ketidaksamaan

27 Januari 2023, Kuala Lumpur: Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) mengalu-alukan hala tuju baharu yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri dengan tema “Membangun Malaysia Madani” ketika sesi perundingan pada hari Selasa, 17 Januari 2023. Tema ini memberikan penekanan kepada pembasmian kemiskinan, pertumbuhan mampan dan sokongan lanjut kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Malah, penekanan diberikan bahawa perancangan rasionalisasi subsidi akan dipandu oleh dapatan bukti dan data terkini yang tersedia. Usaha sebegini amat diperlukan untuk penyatuan fiskal dalam jangka masa sederhana. Namun, IDEAS memberikan peringatan jika penyatuan fiskal tidak dapat dilaksanakan sebagai sebahagian daripada rancangan jangka masa sederhana, hutang negara berkemungkinan akan terus meningkat, yang akan mengehadkan ruang dasar fiskal jika berlaku kegawatan ekonomi. Hal ini akan memberikan kesan kepada golongan rentan secara tidak seimbang terutamanya ketika berlaku krisis.

IDEAS percaya bahawa usaha sedemikian adalah mustahak memandangkan sejauh mana pandemik telah memberi beban berat yang tidak seimbang kepada golongan rentan yang sedia ada. Serangan Covid-19 telah menyebabkan belia Malaysia - yang sudah bergelut dengan keadaan pasaran buruh yang tidak menggalakkan sebelum pandemik - kepada kesan tambahan pengangguran, laluan pendidikan yang terganggu dan mobiliti buruh yang terjejas. Walaupun kadar pengangguran belia telah menunjukkan peningkatan yang ketara sepanjang tahun 2022, kadar ini masih berada pada angka membimbangkan sebanyak 11.9 peratus (329,300 belia menganggur) setakat bulan Oktober 2022.

Daripada lensa jantina, kajian "Families on the Edge" oleh Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) dan Tabung Kependudukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFPA) mendedahkan peningkatan kelemahan isi rumah yang dipimpin oleh wanita, dengan pandemik menyebabkan 32% ketua isi rumah wanita menganggur dan 57% tanpa capaian kepada perlindungan sosial. Trend kemiskinan mutlak pula menunjukkan peningkatan kepada 8.4 peratus pada tahun 2020.

Dr Tricia Yeoh, Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS, menegaskan, “Dengan peningkatan hutang negara kepada RM1.5 trilion, kerajaan perlu melaksanakan satu bentuk penyatuan fiskal bagi mengelakkan defisit yang berlebihan dalam jangka masa panjang dan untuk mendapatkan satu kedudukan belanjawan yang mampan.” Untuk menyokong proses ini, satu bentuk rasionalisasi subsidi harus dijalankan — memastikan bahawa subsidi disasarkan kepada penduduk yang kurang mendapat perkhidmatan dan terjejas. Kertas perundingan awam yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan mengenai subsidi bersasar pada tahun 2022 menganggarkan bahawa penduduk yang berada dalam kelompok berpendapatan tinggi menerima tiga kali ganda jumlah manfaat jika dibandingkan dengan kelompok berpendapatan rendah. Penyatuan data harus dimanfaatkan oleh kerajaan dengan menggabungkan maklumat daripada kementerian dan agensi yang berbeza sebagai kaedah bantuan bersasar.

Dalam jangka masa panjang, kerajaan perlu komited kepada Akta Tanggungjawab Fiskal bagi memperkukuh disiplin kewangan dalam kerajaan dan memupuk kemampanan fiskal dalam jangka masa panjang. Komitmen ini juga perlu diperluaskan untuk memperkenalkan Akta Perolehan Kerajaan, yang bertujuan untuk mengukuhkan tadbir urus dan pematuhan dalam perolehan awam dan mengurangkan kuasa budi bicara untuk memerangi rasuah.

Di samping itu, Dr Juita Mohamad, Pengarah Penyelidikan dan Pengarah Unit Ekonomi dan Perniagaan di IDEAS, juga menyatakan, “Sebagai sebuah ekonomi yang kecil dan terbuka, serta bergantung kepada perdagangan, pelaburan langsung asing (FDI) adalah penting kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia dalam jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang. Untuk menarik FDI dengan cara yang mampan, selain daripada kejelasan dalam hala tuju dan pelaksanaan dasar, perjanjian perdagangan bebas (FTA) seperti Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dan Perjanjian Perkongsian Komprehensif dan Progresif Trans-Pasifik (CPTPP), yang telah pun diratifikasi oleh Malaysia, menyediakan capaian pasaran yang lebih besar kepada perbadanan multinasional (MNC), firma tempatan serta PKS. Demi memastikan PKS juga boleh mendapat manfaat daripada perjanjian perdagangan mega tersebut, sokongan dalam latihan dan geran berkaitan peningkatan kemahiran, pendigitalan dan automasi dengan kerehuan birokrasi yang minimum, perlu diperkukuh.”

Matlamat untuk pertumbuhan inklusif, seperti yang diketengahkan oleh tema Madani, menggalakkan pengecilan jurang ketidaksamaan dalam kalangan kumpulan berbeza dalam masyarakat Malaysia. Dengan kelembapan ekonomi global yang akan melembapkan pemulihan ekonomi dalam tempoh terdekat, adalah baik untuk ambil perhatian bahawa golongan rentan akan dilindungi dan diperjuangkan. Dr Yeoh menyimpulkan, “Kami menantikan Belanjawan 2023 baharu yang dijangka dibentangkan di Parlimen pada 24 Februari nanti, dan untuk melihat bagaimana tema Membangun Malaysia Madani akan dicerminkan dalam dokumen dasar utama pertama kerajaan baharu yang menetapkan keutamaannya untuk tahun ini.”

--- TAMAT ---

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Juita Mohamad, PhD
Pengarah Penyelidikan;
Pengarah, Unit Ekonomi dan Perniagaan
juita@ideas.org.my

Louis Denis
Pengurus Perhubungan Luar
louis@ideas.org.my

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berasaskan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati www.ideas.org.my.